

**Najib Adakan Pertemuan Berfaedah Dengan Pemimpin Masyarakat Cina  
Bernama  
16 Januari, 2013**

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina di sini Rabu dan menyifatkan pertemuan itu sebagai cukup bermanfaat.

Perdana Menteri berkata beliau gembira bahawa beberapa isu penting telah dibincangkan di pertemuan itu.

"Ada pertemuan yang cukup bermanfaat dengan pemimpin-pemimpin Cina kita hari ini. Gembira kerana isu-isu penting telah dirunding dan dibincangkan," kata beliau dalam tweet terbarunya Rabu malam.

Pertemuan itu berlangsung di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada sebelah petang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922205>